

BAB LIMA

LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN : MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

5.1 PENGENALAN

Bahagian ini akan menerangkan latarbelakang kawasan kajian iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bahagian ini juga akan menerangkan polisi-polisi yang berkaitan dengan kemudahan sekolah berdasarkan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan dan senario semasa kemudahan sekolah dalam kawasan kajian.

5.2 KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru terletak dalam Mukim Bandar dan sebahagiannya terletak dalam Mukim Tebrau dan Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru. Daerah Johor Bahru terdiri daripada 9 buah mukim¹ yang merangkumi kawasan seluas 1,818 km.persegi.

Bandaraya Johor Bahru adalah antara bandaraya yang pesat membangun seperti juga lain-lain bandar utama di Semenanjung Malaysia. Bandaraya Johor Bahru mengalami pembangunan yang pesat sesuai dengan peranannya sebagai pintu masuk utama bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Pembangunan Nusa Tiga antara Singapura,

Johor dan Pulau Batam memberikan impak yang ketara kepada pembangunan Johor Bahru masa kini (Laporan Pemeriksaan. Pindaan Kepada Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang, 1997). Kawasan Bandaraya Johor Bahru ditadbirkan oleh pihakberkuasa tempatan yang dikenali sebagai Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru seluas kira-kira 185.5 km. persegi itu dirasakan memadai dari segi saiz untuk melakukan penyelidikan dan tidak melibatkan masa dan kos yang terlalu tinggi.

Majlis Bandaraya Johor Bahru sebelumnya dikenali sebagai Majlis Perbandaran Johor Bahru mempunyai kawasan seluas 120 km.persegi dengan penduduk seramai 329,000 orang. Selaras dengan peningkatan taraf kepada sebuah Bandaraya pada tahun 1994, sempadannya telah diperluaskan kepada 185 km. persegi dengan penduduk seramai 420,000 orang. Jumlah ini telah meningkat kepada 490,000 pada tahun 1995 (Laporan Pemeriksaan. Pindaan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang, 1997). Pada tahun 1995, penduduk Majlis Bandaraya Johor Bahru merangkumi kira-kira 57 peratus daripada penduduk Daerah Johor Bahru yang mempunyai seramai 860,000 orang. Penduduk Majlis Bandaraya Johor Bahru dijangkakan meningkat menjadi 580,000 sehingga tahun 2000 yang merangkumi kira-kira 53 peratus daripada jumlah penduduk Daerah Johor Bahru. Peningkatan penduduk Bandaraya Johor Bahru memberikan tekanan kepada pembangunan pesat kawasan perumahan baru dan peningkatan permintaan terhadap kemudahan-kemudahan sosial.

Jadual 5.1 menunjukkan anggaran penduduk dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru, Daerah Johor Bahru dan Negeri Johor di antara tahun 1992 hingga 2010.

JADUAL 5.1: ANGGARAN PENDUDUK DALAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU, DAERAH JOHOR BAHRU DAN NEGERI JOHOR (1991-2010)

KAWASAN	BILANGAN PENDUDUK MENGIKUT TAHUN				
	1992	1995	2000	2005	2010
Majlis Bandaraya Johor Bahru	420,000	490,000	580,000	670,000	760,000
Daerah Johor Bahru	705,000	860,000	1,087,000	1,335,000	1,580,000
Negeri Johor	2,074,297	2,346,502	2,724,468	3,080,395	3,424,756

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1997. Laporan Pemeriksaan. Pindaan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang.

Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dibahagikan kepada 14 sektor perancangan bagi memudahkan tugas-tugas perancangan dilakukan. Sektor-sektor perancangan kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru terdiri daripada (Bahagian Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru):

1. Kawasan perancangan pusat (Daerah Sentral).
2. Kawasan Pelangi
3. Kawasan Pasir Pelangi
4. Kawasan Tasik Utara
5. Kawasan Tampoi
6. Kawasan Larkin
7. Kawasan Kempas
8. Kawasan Majidee

9. Kawasan Kangkar Tebrau
10. Kawasan Pandan
11. Kawasan Permas Jaya
12. Kawasan Perluasan Timur
13. Kawasan Perluasan Utara (timur)
14. Kawasan Perluasan Utara

Rajah 5.1 menunjukkan lokasi sekolah rendah dalam sektor perancangan kawasan Majlis Bandaraya Johor.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah mengalami pertumbuhan sosio-ekonomi yang pesat. Kesannya dapat dirasakan terutamanya di Negeri Johor kerana beberapa faktor seperti usaha-usaha positif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pelaburan asing dan kedudukannya yang hampir dengan Singapura. Faedah dari kadar upah buruh yang murah serta harga tanah secara relatifnya rendah di Negeri Johor telah memberi peluang kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di Negeri Johor (Laporan Pemeriksaan. Pindaan kepada Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang, 1997). Bandar Johor Bahru yang paling hampir dengan Singapura dan merupakan laluan masuk utama bahagian selatan secara langsung menerima kesan pembangunan ini. Faktor-faktor ini secara tidak langsung memberi kesan kepada pembangunan sosio-ekonomi Negeri Johor.




**RAJAH 5.1 :
LOKASI TAMAN PERUMAHAN
DALAM SEKTOR PERANCANGAN
KAWASAN MAJLIS
BANDARAYA JOHOR BAHRU**

PETUNJUK :

- JALANRAYA UTAMA
- SEMPADAN KAWASAN MB.B
- SEMPADAN SEKTOR PERANCANGAN

- ① TAMAN MELATI, CEMPAKA DAN KEMANGA
- ② BANDAR BARU UDA
- ③ TAMAN PELANGI
- ④ TAMAN SENTOSA
- ⑤ TAMAN SURIA
- ⑥ TAMAN SRI AMAR
- ⑦ TAMAN DAYA
- ⑧ BANDAR PERMAS JAYA
- ⑨ TAMAN RINTING
- ⑩ BANDAR BARU AKTA PULERI
- ⑪ TAMAN MOLEK
- ⑫ TAMAN ANDGERIK
- ⑬ TAMAN BUKIT KEMPAH
- ⑭ TAMAN BUKIT MEMAH



Sumber :
Jabatan Perancangan Bandar, Pejabat Bandar Johor Bahru, 1996

5.3 TABURAN SEKOLAH RENDAH DALAM KAWASAN KAJIAN

Berdasarkan unjuran yang dibuat dalam kajian Pelan Induk Operasional Johor (1996), Daerah Johor Bahru dijangkakan mempunyai 159 buah sekolah rendah pada tahun 1995 dan meningkat menjadi 181 buah pada tahun 2000. Pada tahun 2010, Daerah Johor Bahru dijangkakan mempunyai sejumlah 193 buah sekolah rendah. Berdasarkan maklumat Jabatan Pendidikan Negeri Johor pada tahun 1995, Daerah Johor Bahru hanya mempunyai 94 buah sekolah rendah sahaja dan meningkat kepada 112 buah pada tahun 1998. Angka ini menggambarkan kekurangan sekolah rendah di Daerah Johor Bahru. Sekolah rendah ini meliputi sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dengan jumlah murid seramai 10,0469 orang.

Daripada 112 buah sekolah tersebut, 80 buah adalah sekolah kebangsaan dengan jumlah murid lebih daripada 63,000 orang. Sekolah kebangsaan telah meningkat dari 47 buah pada tahun 1975 kepada 80 buah pada tahun 1998. Jadual 5.2 menunjukkan jumlah sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru (1975-1998). Di antara tahun 1980 dan 1985, bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil menurun dengan mendadak. Penurunan bilangan ini disebabkan pengasingan kawasan Kulai daripada pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru. Sebelum tahun 1985, kawasan Kulai adalah termasuk di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru.

JENIS SEKOLAH	TAHUN															
	1975			1980			1985			1990			1995		1998	
	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid	Bil. sekolah	Bil. murid
Sekolah Kebangsaan	47	17466	48	10792	46	24249	49	35741	63	52143	80	63681				
SRJK Cina	36	18478	36	21094	19	17353	19	22484	19	30290	19	32767				
SRJK Tamil	19	2470	19	2421	12	1840	12	2426	12	3343	12	4021				
Jumlah	102	38414	103	34307	77	43442	80	60651	94	85776	111	100469				

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Johor, 1998.

¹ Sekolah rendah kerajaan adalah sekolah yang dibina dan dibiaya sepenuhnya oleh Kerajaan dan dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan.

² Sekolah bantuan kerajaan adalah sekolah yang dibina dan dibiaya oleh Jemaah Pengurus Sekolah (terdiri daripada tuan tanah, syarikat atau pertubuhan bukan kerajaan). Sekolah ini mendapat bantuan kerajaan dari segi peruntukan guru. Sekolah ini merupakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRKJ) Cina, Tamil dan Convent.

Di antara tempoh tahun 1985 hingga hari ini, tiada sebarang pertambahan bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) untuk menghapuskan pengasingan kaum mengikut jenis sekolah dan mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu melalui satu bahasa pengantar iaitu Bahasa Melayu.

Daripada 80 buah sekolah kebangsaan di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, 50 buah daripadanya terletak dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Daripada jumlah ini, 38 buah adalah sekolah kebangsaan, 10 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan dua buah sekolah jenis kebangsaan Tamil. Sebanyak 15 buah sekolah kebangsaan terletak dalam 11 buah taman perumahan, manakala 12 buah sekolah rendah terletak di pusat bandar (termasuk sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil), dan 23 buah sekolah rendah di dalam kawasan penempatan tradisional (termasuk 9 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil). Jadual 5.3 menunjukkan bilangan dan jenis sekolah rendah yang terletak di dalam taman perumahan, pusat bandar dan penempatan tradisional dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

JADUAL 5.3: LOKASI DAN BILANGAN SEKOLAH KEBANGSAAN DI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

LOKASI	JUMLAH SEKOLAH RENDAH	BILANGAN DAN JENIS SEKOLAH
Taman perumahan	15	15- sekolah kebangsaan
Pusat bandar	12	10-sekolah kebangsaan 1-sekolah jenis kebangsaan Cina 1-sekolah jenis kebangsaan Tamil
Penempatan tradisional ¹	23	13-sekolah kebangsaan 9-sekolah jenis kebangsaan Cina 1-sekolah jenis kebangsaan Tamil
Jumlah	50	

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, 1997.

¹ Penempatan tradisional merujuk kepada penempatan sebelum wujudnya era pembangunan taman-taman perumahan. Ini termasuklah penempatan kampung Baru, kampung Melayu dan kuarters kerajaan. Hari ini, penempatan-penempatan ini merupakan sebahagian daripada kawasan bandar.

Kawasan pusat bandar mempunyai bilangan sekolah rendah yang paling banyak dan sekolah-sekolah ini kebanyakannya mula beroperasi di antara tahun 1926 hingga 1956. Hanya 3 buah sekolah rendah di pusat bandar dibina selepas Merdeka. Sekolah-sekolah di pusat bandar adalah banyak berbanding dengan jumlah penduduk bandar tetapi sekolah-sekolah ini mempunyai kawasan tadahan yang sangat luas kerana ia memberi perkhidmatan kepada penduduk di luar kawasan pusat bandar (Laporan Pemeriksaan. Pindaan kepada Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang, 1997). Jadual 5.4 menunjukkan bilangan sekolah rendah dan taman perumahan serta jumlah penduduk mengikut sektor perancangan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

JADUAL 5.4: BILANGAN SEKOLAH RENDAH DAN TAMAN PERUMAHAN SERTA JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT SEKTOR PERANCANGAN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU.

SEKTOR PERANCANGAN	BILANGAN SEKOLAH RENDAH	BILANGAN TAMAN PERUMAHAN	JUMLAH PENDUDUK
Pusat	12	1	1399
Pasir Pelangi	-	2	7738
Pelangi	3	9	67,448
Kempas	6	31	133,528
Larkin	7	24	64,284
Tampoi	4	10	89,385
Tasik Utara	2	5	3,737
Majidee	6	9	16,637
Kangkar Tebrau	3	4	6,927
Pandan	-	9	89,634
Permas Jaya	3	8	79,320
Kawasan Perluasan	4	15	184,281
Jumlah	50	125	131,445

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, 1997.

Sekolah-sekolah bandar mendapat permintaan yang tinggi dikalangan penduduk di luar kawasan pusat bandar kerana kecemerlangan akademiknya sejak mula ianya beroperasi. Manakala sekolah rendah yang terletak dalam taman-taman perumahan hanya mula beroperasi seawal tahun 1982. Pada tahun 1980an, terdapat 6 buah sekolah rendah manakala pada tahun 1990an, terdapat 9 buah sekolah rendah di dalam taman perumahan. Jadual 5.5 menunjukkan senarai sekolah kebangsaan yang terletak di dalam taman perumahan.

JADUAL 5.5: NAMA SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DALAM TAMAN PERUMAHAN

NAMA SEKOLAH RENDAH	TAHUN OPERASI	NAMA TAMAN PERUMAHAN
S.K.Rinting (1)	1992	Taman Rinting
S.K.Rinting (2)	1997	
S.K.Permas Jaya (1)	1988	Taman Permas Jaya
S.K.Permas Jaya (2)	1994	
S.K. Kompleks UDA	1990	Bandar Baru UDA
S.K. UDA (2)	1992	
S.K.Perumahan SEDC	1984	Taman Kenanga
S.K.Perumahan Tampoi (1)	1988	Taman Melati
S.K.Perumahan Tampoi (2)	1994	Taman Cempaka
S.K. Taman Cempaka	1997	
S.K. Sri Tebrau	1982	Taman Sentosa
S.K. Pelangi	1989	Taman Pelangi
S.K. Sri Amar	1983	Taman Sri Amar
S.K. Taman Daya	1995	Taman Daya
S.K. Taman Suria	1994	Taman Suria

Sumber: Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1997

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), 15 buah rizab tapak sekolah rendah akan dibangunkan di 10 buah taman perumahan dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru). Jadual 5.6 menunjukkan bilangan sekolah rendah yang sedang beroperasi dan rizab tapak sekolah

rendah dalam taman perumahan yang akan dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

JADUAL 5.6: BILANGAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DAN RIZAB SEKOLAH RENDAH DALAM TAMAN PERUMAHAN

NAMA TAMAN PERUMAHAN	BIL. SEKOLAH RENDAH SEDANG BEROPERASI	BIL. RIZAB SEHINGGA TAHUN 2000
Taman Rinting	2	-
Taman Melati	1	-
Taman Kenanga	1	-
Taman Cempaka	2	-
Taman Daya	1	2
Bandar Baru UDA	2	1
Taman Permas Jaya	2	4
Taman Pelangi	1	-
Taman Sri Amar	1	-
Taman Suria	1	-
Taman Sentosa	1	-
Taman Molek	-	1
Taman Anggerik	-	1
Taman Sri Kota Putri	-	2
Taman Megah Ria	-	1
Taman Mount Austin	-	1
Taman Bukit Kempas	-	1
Taman Bukit Mewah	-	1
JUMLAH	15	15

Sumber : Diolah daripada maklumat sekunder Jabatan Pendidikan Negeri Johor, 1997.

Rajah 5.2 hingga 5.15 menunjukkan lokasi sekolah rendah di dalam taman perumahan.

5.4 POLISI DAN CADANGAN RANCANGAN SRUKTUR DAN RANCANGAN TEMPATAN MENGENAI KEMUDAHAN SEKOLAH RENDAH

Penambahan kemudahan sekolah rendah berlaku dari masa ke semasa selaras dengan peningkatan penduduk di sekitar kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Pembangunan sekolah rendah ditumpukan di kawasan taman-taman perumahan baru kerana kawasan-kawasan tepubina tidak lagi mempunyai ruang untuk pembangunan. Pembangunan di kawasan tepubina merupakan pembangunan yang berdaya maju dari segi ekonomi dan mendatangkan pulangan yang lumayan kepada pihak berkuasa tempatan. Pembangunan tersebut termasuklah kompleks membeli-belah dan pejabat serta pangsapuri.

5.4.1 Polisi dan Cadangan Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru (1985)

Berdasarkan Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru (1985), sekolah rendah adalah salah satu kemudahan sosial. Terdapat dua isu perancangan yang dikemukakan dalam Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru (1985) mengenai kemudahan sosial. Pertama; agihan tapak kemudahan sosial sedia ada tidak seimbang dan tidak mengikut taburan penduduk. Kedua; kemudahan sedia ada juga tidak mencukupi untuk menampung keperluan semasa dan masa hadapan penduduk. Bagi memastikan tapak-tapak sekolah rendah disediakan memenuhi syarat dan keperluan jabatan atau agensi yang berkenaan, piawaian perancangan sekolah rendah





SKALA 1 : 10,000

RAJAH 5.2 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN MELATI, CEMPAKA
DAN KENANGA

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERUMAHAN TAMPOI 1
-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERUMAHAN S.E.D.C
-  SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN CEMPAKA
-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERUMAHAN TAMPOI 2




Sumber :
Jabatan Perancangan Bandar, Jalan & Ertrologi, Johor Bahru, 1996



**RAJAH 5.3 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
BANDAR BARU UDA**

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN
-  KOMPLEKS UDA
-  SEKOLAH KEBANGSAAN UDA (2)




Sumber : Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Ulu Klang, 1996



**RAJAH 5.4 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN PELANGI**

PETUNJUK:


■ SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN PELANGI



Sumber:
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1996



RAJAH 5.5 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN SENTOSA



PETUNJUK :

SEKOLAH KEBANGSAAN
SRI TEBRAU



Sumber :
Jabatan Perancang Bandar, Melaka, 1989



**RAJAH 5.6 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN SURIA**

PETUNJUK :

■ SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN SURIA



Sumber :
Jabatan Perancang Bandar, Majlis Kerajaan Johor Bharu, 1998



RAJAH 5.7 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
SRI AMAR

PETUNJUK :

SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN SRI AMAR



Sumber :
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1986




SKALA 1 : 10,000

**RAJAH 5.8 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN DAYA**

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN DAYA
- SEKOLAH KEBANGSAAN
(DALAM PEMBINAAN)





Sumber :
Akhbar Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1986



RAJAH 5.9 :
LOKASI SEKOLAH-SEKOLAH
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
BANDAR PERMAS JAYA

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERMAS JAYA (1)
-  SEKOLAH KEBANGSAAN PERMAS JAYA (2)
-  SEKOLAH KEBANGSAAN (DALAM PEMBINAAN)






Sumber :
Jabatan Penceritaan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1996



**RAJAH 5.10 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN RINTING**

PETUNJUK :

-  SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN RINTING (1)
-  SEKOLAH KEBANGSAAN
TAMAN RINTING (2)





Sumber :
Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1996



**RAJAH 5.11 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
BANDAR BARU KOTA PUTERI**

PETUNJUK :

□ SEKOLAH KEBANGSAAN
(DALAM PEMISANAN)



Sumber :
Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1996



**RAJAH 5.12 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN MOLEK**

PETAJAJUK :

□ SEKOLAH KEBANGSAAN
(DALAM PERUMAHAN)




Sumber :
Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Klang, 1998





SKALA 1 : 10,000

RAJAH 5.13 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN ANGERIK

PETUNJUK :

 SEKOLAH KEBANGSAAN
(DALAM PERUMAHAN)



Sumber :
Jabatan Perancangan Bandar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1986




SKALA 1 : 10,000

RAJAH 5.14 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN BUKIT KEMPAS

PETUNJUK :

SEKOLAH KEBANGSAAN
(DALAM PENGUNTAH)





Sumber :
Jabatan Penceritaan Bandar, Majlis Bandaraya Klang Baharu, 1996



RAJAH 5.15 :
LOKASI SEKOLAH KEBANGSAAN
DALAM KAWASAN PERUMAHAN
TAMAN BUKIT MEWAH

PETUNJUK :

- SEKOLAH KEBANGSAAN
(DALAM FENOMENA)



Suripter :
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru, 1996

digunapakai. Dua sub-objektif kemudahan sosial yang juga merujuk kepada kemudahan sekolah adalah seperti berikut:

1. untuk menentukan peruntukan dan penyediaan kemudahan sosial yang mencukupi serta menggalakkan dan mempertingkatkan keadaan sosial dan psikologikal penduduk.
2. untuk meningkatkan struktur bandar yang mempunyai ciri-ciri yang baik dari segi mobiliti dan aksesibiliti ke tempat-tempat perdagangan dan membeli-belah, ke kawasan-kawasan pekerjaan, ke kawasan-kawasan kemudahan perkhidmatan awam dan ke tempat-tempat rekreasi.

Menjurus kepada sektor kemudahan sekolah, dua polisi am telah digariskan. Pertama; pihak berkuasa tempatan perlu berusaha ke arah menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi faedah masyarakat selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru. Perancangan kemudahan pelajaran perlu memberi keutamaan untuk mengurangkan bilangan pelajar terutamanya di kawasan bandar dari 42 murid per kelas kepada 35 murid per kelas bagi sekolah rendah.

Kedua; pihak berkuasa tempatan perlu memastikan supaya perancangan dan penyediaan kemudahan-kemudahan komuniti adalah selaras dengan saiz dan taburan penduduk pada masa akan datang. Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru (1985) telah mengunjurkan sebanyak 130 buah sekolah rendah bagi kawasan Majlis Perbandaran

Johor Bahru (termasuk Mukim Plentong dan Pasir Gudang) bagi memenuhi jangkaan keperluan murid seramai 97,522 orang pada tahun 2000. Sekolah-sekolah ini dijangkakan mempunyai kira-kira 3,250 buah bilik darjah dengan purata 30 murid/kelas dengan sidang pagi persekolahan sahaja.

Sehingga tahun 2000, terdapat 4 buah sekolah rendah yang akan dibangunkan dalam taman perumahan di kawasan Tampoi, Larkin dan Kempas (Rancangan Tempatan Tampoi, Larkin & Kempas, 1987). Manakala 6 buah sekolah rendah akan dibangunkan di kawasan Majidee, Kangkar Tebrau, Pandan dan Permas Jaya (Rancangan Tempatan Majidee, Kangkar Tebrau, Pandan & Permas Jaya, 1987). Berdasarkan unjuran Jabatan Pendidikan Negeri Johor pula, sejumlah 15 buah sekolah rendah akan dibangunkan di dalam taman perumahan dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru sehingga tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

Kira-kira 200 hektar tanah diperlukan untuk pembangunan sekolah rendah di Majlis Perbandaran Johor Bahru (termasuk Mukim Plentong dan Pasir Gudang) dan ini meliputi tapak-tapak sekolah yang diperuntukan dalam kawasan cadangan taman-taman perumahan baru (Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, 1985).

Penyediaan sekolah rendah dalam taman-taman perumahan adalah berdasarkan konsep kejiranan (Rancangan Tempatan Tampoi, Larkin & Kempas, 1987). Tujuan utama konsep ini ialah untuk memberi keselesaan kepada penduduk melalui penyediaan kemudahan secara berkelompok dan meningkatkan aksesibiliti kepada penduduk setempat. Konsep kejiranan pada asasnya merangkumi berbagai elemen seperti

Sekolah rendah tidak akan dibangunkan lagi di kawasan pusat bandar, malah terdapat cadangan untuk memindahkan beberapa sekolah rendah ke kawasan luar pusat bandar (Laporan Pemeriksaan. Pindaan kepada Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang, 1997). Terdapat 4 buah sekolah rendah (termasuk sebuah sekolah rendah khas kanak-kanak cacat pendengaran) telah dikenalpasti untuk dipindahkan ke luar pusat bandar. Ketidaksesuaian lokasi kerana masalah lalulintas yang serius dan ketiadaan ruang untuk perkembangan masa hadapan merupakan alasan utama untuk memindahkan tapak sekolah-sekolah ini ke kawasan luar pusat bandar.

Bilangan sekolah rendah di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru juga didapati tidak mencukupi berbanding dengan jumlah penduduk kawasan tadahannya. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kesesakan bilik darjah. Keadaan ini juga menjejaskan aksesibiliti sekolah kepada murid-murid kerana ketiadaan sekolah yang berhampiran dengan tempat tinggal. Lokasi sekolah rendah yang tidak sesuai kerana konflik gunatanah yang menjejaskan suasana pembelajaran dan keselamatan murid-murid sekolah. Oleh itu, sekolah rendah serta kemudahan sosial lainnya perlu di sediakan dalam unit kejiranan bagi meningkatkan aksesibiliti serta memudahkan penduduk setempat mendapatkan kemudahan tersebut. Manakala, angka unjuran dan kenyataan polisi umumnya masih kekal seperti yang dinyatakan dalam Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru 1985.

5.5 RUMUSAN

Pada masa kini, kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru mempunyai 50 buah sekolah (termasuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil) di mana 15 buah yang terletak dalam 11 buah taman perumahan dan selebihnya terletak di kawasan pusat bandar dan kawasan penempatan tradisional. Manakala 15 buah rizab sekolah rendah akan dibangunkan dalam 10 taman perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000.

Elemen sekolah rendah merupakan antara kemudahan sosial yang dikaji dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bilangan sekolah rendah didapati tidak mencukupi berbanding dengan bilangan penduduk tadahannya. Taburan sekolah rendah juga tidak seimbang dengan kepadatan penduduk. Ini telah menyebabkan kesesakan bilik darjah dan menjejaskan aksesibiliti sekolah rendah kepada murid-murid. Lokasi sekolah rendah juga tidak sesuai kerana konflik gunatanah yang telah menjejaskan suasana pengajaran dan pembelajaran serta menyumbang kepada suasana yang tidak selesa dan bahaya kepada komuniti sekolah.

Bagi merealisasikan polisi-polisi pelan pembangunan ini, piawaian perancangan sekolah rendah telah digunakan bagi memastikan tapak sekolah rendah disediakan khususnya dalam taman perumahan. Bahagian seterusnya merupakan analisis mengenai isu-isu perancangan sekolah rendah dan pelaksanaan kriteria piawaian perancangan sekolah rendah dalam taman perumahan.

Nota hujung:

1. Mukim-mukim dalam Daerah Johor Bahru.

- Sungai Tiram
- Plentong
- Tebrau
- Pulai
- Jelutong
- Tanjung Kupang
- Senai/Kulai
- Sedenak
- Bandar

Sumber: Pejabat Daerah Johor Bahru, Johor.